PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

HARI SELASA : 18 NOVEMBER 2014

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.11 HINGGA 45)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 10)

NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

Soalan No : 11

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG]

TARIKH : 18.11.2014

SOALAN :

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha diambil untuk meningkatkan lagi kedudukan ranking universiti Malaysia dalam kelompok universiti terbaik dunia. Mengikut QS World Universiti Rankings 2014, Universiti Malaya (UM) berjaya memperbaiki kedudukannya daripada tangga ke-167 pada tahun lepas, kepada 151 pada tahun ini, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menduduki tangga ke-259 daripada 269 dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) meningkat ke tangga 294 daripada 355.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara strategi yang digunakan bagi meningkatkan ranking serta memperkasa IPT Malaysia dalam penarafan di peringkat global adalah:

i) Menanda aras (*benchmarking*) dengan IPT di negara yang mempunyai pemetaan sosioekonomi dan sosiobudaya yang hampir sama tetapi mendapat penarafan yang tinggi di peringkat global seperti IPT di Korea, Thailand dan Singapura untuk mengenal pasti kaedah *game change* yang sesuai dengan

keupayaan IPT di Malaysia.

ii) Menyerlahkan bidang kecemerlangan di IPT tempatan agar ia setanding dengan pusat kecemerlangan yang bertaraf antarabangsa dengan mempunyai ciri-ciri *Relevant*, *Referred* dan *Respected* (3R).

iii) Pemantapan aktiviti penyelidikan, penerbitan, pembelajaran dan pengajaran, pembangunan pelajar serta jaringan industri dan komuniti di IPT termasuk penjenamaan (*branding*) terutamanya daripada segi pencapaian akreditasi dan jaminan kualiti program akademik daripada pihak antarabangsa kepada pencapaian cemerlang IPT sebagai citra kualiti pendidikan yang ditawarkan.

iv) Pemerkasaan MRUN (*Malaysian Research University Network*) secara kolektif bagi mengenal pasti kekuatan *niche area* masing-masing dan saling melengkapi dalam meningkatkan kualiti penyelidikan, penerbitan, pembelajaran dan pengajaran, pembangunan pelajar serta jaringan industri dan komuniti.

v) Penumpuan penarafan diberikan kepada penarafan berasaskan bidang (*according to subject*). Ini adalah lebih realistik dan praktikal kerana pada masa kini, 19 daripada bidang pengajian dipelopori oleh IPT di Malaysia berada dalam lingkungan 200 terbaik dunia, dengan satu bidang berada pada aras 50 terbaik dunia.

vi) Penumpuan kepada memastikan universiti penyelidikan (RU) mempercepatkan nisbah enrolmen pelajar ijazah tinggi kepada 50% daripada keseluruhan enrolmen.

vii) Memastikan IPTA mengamalkan pemberat yang lebih tinggi terhadap penerbitan berimpak tinggi (*high impact journals*) bagi tujuan kenaikan pangkat, meningkatkan jaringan dan penerbitan bersama dengan individu yang mempunyai pengiktirafan antarabangsa.

viii) Penumpuan kepada penarafan terhadap individu sarjana juga boleh membentuk reputasi tinggi dalam kalangan akademia di Malaysia. Berdasarkan laporan sitasi 2002 hingga 2012 oleh pangkalan data *Thomson Reuters*, 3 sarjana tempatan telah tersenarai dalam kalangan 3,200 minda akademia terbaik dunia. Penarafan ini berjaya memposisikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang mempunyai sarjana bertaraf global yang memberikan sumbangan ilmiah berimpak tinggi pada bidang pengajian masing-masing.

ix) Penumpuan kepada penarafan institusi adalah berfokus kepada satu atau dua universiti sahaja memandangkan ia memerlukan peruntukan yang besar dalam menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan keperluan indikator penarafan terutamanya dalam penjenamaan dan peningkatan keternampakan di persada antarabangsa.

x) Memperkasa penarafan dalam negara seperti MyRA® dan SETARA yang menilai kualiti penyelidikan dan penerbitan serta pembelajaran dan pengajaran di IPT Malaysia juga merupakan satu kayu ukur yang sesuai dalam menilai keupayaan universiti di peringkat negara. Penarafan ini menunjukkan komitmen Kerajaan dalam memastikan kualiti pendidikan tinggi di Malaysia berada pada tahap yang tinggi di samping memperkasa institusi agar dapat bersiap sedia untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

NO. SOALAN: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7224

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah kerajaan untuk mengawal pekerja tanpa izin dan keberkesanan terhadap 6P yang diperkenalkan sebelum ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius isu pendatang asing tanpa izin (PATI), dan telah mengambil tindakan bagi menangani isu ini. Tindakan-tindakan yang telah diambil ini boleh dikategorikan kepada 2 peringkat iaitu sebelum masuk ke negara dan setelah berada dalam negara.

Sebelum masuk ke Malaysia, tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:

i) **memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;**

ii) **menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini; dan**

iii) **pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara dipertingkatkan, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi**

Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kerajaan juga sentiasa memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).

Manakala setelah berada dalam negara, tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:

i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari semasa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan

ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing dan institusi yang mengambil pelajar antarabangsa.

Untuk makluman, pada masa ini, Program 6P berada dalam fasa yang terakhir iaitu program penguatkuasaan. Kerajaan telah melancarkan Operasi 6P Bersepadu yang diterajui oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi fasa pertama pada 1 September 2013 hingga 8 Oktober 2013 dan fasa kedua pada 21 Januari 2014 hingga 11 Mac 2014. Kementerian masih meneruskan program penguatkuasaan Operasi Secara Bersepadu Fasa 1 bermula 1 September 2013 hingga 20 Januari 2014 dan Operasi Secara Bersepadu Fasa 2 bermula 21 Januari 2014 hingga 23 September 2014.

Operasi Bersepadu 6P Fasa 2 yang dilancarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia pada 21 Januari 2014 sehingga 18 Mac 2014, seramai 11,460 orang PATI telah diusir ke negara asal. Jumlah pengusiran mengikut lima negara tertinggi adalah seperti berikut:-

i) Indonesia	**–**	**4,929 orang**
ii) Filipina	**–**	**2,303 orang**
iii) Bangladesh	**–**	**734 orang**
iv) Myanmar	**–**	**626 orang; dan**
v) Nepal	**–**	**525 orang**

Jumlah PATI ditangkap melalui operasi bersepadu Fasa 1 bermula 1 September 2013 hingga 20 Januari 2014 adalah seramai 17,455 orang dan bagi Fasa 2 bermula 21 Januari 2014 hingga 23 September 2014 adalah seramai 23,038 orang .

Terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh agensi-agensi Kerajaan semasa proses pendaftaran 6P di mana Proses Pendaftaran tidak mendapat sambutan secara menyeluruh kerana sesetengah PATI dan majikan kurang percaya dan berasa was-was untuk mendaftarkan diri.

Namun demikian, Program 6P dilihat masih berjaya mencapai matlamatnya bagi aspek-aspek seperti berikut:

(i) Kerajaan berupaya mengumpul data berhubung jumlah PATI yang berada di dalam negara;

(ii) Pengambilan data biometrik dalam proses pendaftaran dapat membantu memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap warga asing sekali gus meningkatkan kawalan keselamatan negara;

(iii) Menangani isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan melalui pendaftaran data biometrik cap jari yang tidak boleh dipalsukan;

(iv) Memperolehi maklumat serta butiran tentang keberadaan PATI mengikut pecahan warganegara, aktiviti ekonomi, umur, jantina dan sebagainya.

(v) **Memenuhi segera keperluan pekerja asing sektor-sektor ekonomi melalui proses pemutihan PATI tanpa perlu membawa masuk pekerja asing baru; dan**

(vi) **Menangani isu kutipan levi ke atas majikan yang menggaji PATI di mana sebelum ini Kerajaan tidak dapat mengutip bayaran levi ke atas majikan yang menggaji PATI sekali gus menjana hasil pendapatan negara.**

Kerajaan akan sentiasa berusaha untuk memastikan pengurusan warga asing yang lebih komprehensif dapat diwujudkan di negara ini. Justeru, Program 6P ini adalah merupakan inisiatif dan langkah penambahbaikan yang telah dijalankan oleh Kerajaan dalam menangani isu kemasukan dan keberadaan warga asing secara tidak sah di dalam negara ini.

NO. SOALAN: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGGAM]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7344

SOALAN:

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terkini dalam permohonan Malaysia dalam *Visa Waiver Programme* (VWP) dengan Amerika Syarikat yang akan membolehkan warganegara Malaysia untuk melawat Amerika Syarikat tanpa visa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia dan Amerika Syarikat (A.S.) telah membincangkan penyertaan negara ke Program Pengecualian Visa A.S (*Visa Waiver Program* – VWP) semasa Lawatan T.Y.T Presiden Barack Obama ke Malaysia pada 26 hingga 28 April 2014. Program VWP ini akan membolehkan rakyat Malaysia masuk ke negara tersebut tanpa perlu memohon *Non Immigrant U.S. Visa* dan tinggal di negara tersebut bagi tempoh maksimum 90 hari setiap kali kemasukan bagi tujuan pelancongan dan perniagaan.

Setakat ini, 38 buah negara iaitu 30 negara Eropah, 7 Asia Pasifik dan 1 Amerika Latin telah menyertai Program VWP termasuk 2 Negara di rantau Asia Tenggara iaitu Republik Singapura dan Brunei Darussalam.

Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan susulan yang telah diambil adalah Lawatan Delegasi Teknikal Negara yang diketuai oleh Kementerian Dalam Negeri ke Washington D.C., Amerika Syarikat pada 25 hingga 29 Ogos 2014 untuk mendapatkan taklimat yang lebih komprehensif mengenai aspek teknikal dan syarat-syarat penyertaan Malaysia ke Program VWP memandangkan ianya adalah merupakan keperluan statutori yang ditetapkan oleh Kongres A.S.

Lanjutan daripada itu, Menteri Dalam Negeri juga telah mengadakan Lawatan Kerja ke A.S. dari 24 September hingga 4 Oktober 2014 di mana perbincangan turut diadakan mengenai kerjasama dengan pihak A.S. bagi keperluan Malaysia memenuhi syarat-syarat untuk penyertaan negara ke Program VWP.

Proses penyertaan Malaysia ke Program VWP akan mengambil sedikit masa memandangkan keperluan untuk memenuhi syarat-syarat statutori yang ditetapkan. Adalah dijangkakan proses penyertaan ke Program VWP ini akan mengambil masa di antara 18 hingga 24 bulan dan tiada tempoh maksima yang ditetapkan. Malahan, Republik Chile sebagai contohnya telah mengambil masa hampir tiga (3) tahun untuk menyertai ke Program ini.

Kerajaan Malaysia akan tetap komited untuk memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh pihak A.S supaya Malaysia berjaya diterima masuk dalam Program ini kelak. Penyertaan Malaysia dalam Program VWP akan membuktikan bahawa negara mempunyai kesiapsiagaan dari aspek keselamatan terutamanya dalam aspek pengukuhan kawalan sempadan di pintu masuk/keluar negara. Di samping itu, Program ini juga dilihat dapat mempertingkatkan lagi kerjasama hubungan dua hala di antara Malaysia dan A.S. dalam bidang keselamatan.

NO. SOALAN : 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**
TARIKH	:	**18 NOVEMBER 2014**
RUJUKAN	:	**7222**

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana orang ramai boleh menghubungi Bahagian Pengurusan Pekerja Asing di Putrajaya kerana tidak ada orang yang melayan panggilan yang dibuat oleh orang ramai ke talian telefon bahagian tersebut yang diberikan kepada orang ramai iaitu 03-88868000.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mulai 12 November 2012, Kerajaan telah melancarkan Pusat Panggilan 1 Malaysia (*1 Malaysia One Call Centre* - 1MOCC) yang merupakan pusat panggilan setempat untuk menjawab pertanyaan, aduan, cadangan dan maklum balas rakyat melalui panggilan telefon, sistem pesanan ringkas (SMS), faks, emel dan media sosial. Menerusi 1MOCC, semua operator Kementerian, agensi kerajaan dipusatkan kepada satu nombor telefon sahaja iaitu 03-80008000 yang beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu dan 365 hari setahun termasuk pada hari cuti umum. Sehubungan ini, talian 03-88868000 tidak lagi digunapakai oleh Kementerian ini.

SOALAN NO.: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]

TARIKH : 18 NOV 2014

SOALAN :

Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan untuk menambahkan bilangan pegawai MPOB bagi tujuan untuk memberikan perkhidmatan dan khidmat nasihat kepada penduduk tempatan di bawah Empangan Bakun yang menjalankan perusahaan kelapa sawit di tanah hak milik sendiri.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penempatan Pegawai Tunjuk Ajar Sawit (TUNAS) di sesuatu kawasan adalah berdasarkan kepada kepadatan pekebun kecil sawit, di mana purata nisbah pegawai TUNAS kepada pekebun kecil adalah seorang pegawai TUNAS bagi setiap 600 orang pekebun kecil sawit. Sehingga Oktober 2014, seramai 40 orang pegawai TUNAS telah ditempatkan di seluruh negeri Sarawak.

Bagi kawasan Sg Asap dan Belaga yang melibatkan kawasan tanaman sawit seluas 3,282 hektar dan seramai 588 orang pekebun kecil sawit, seramai dua (2) orang Pegawai TUNAS telah ditempatkan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian memang sedar tentang kekurangan pegawai MPOB di Sarawak termasuk di sekitar Empangan Bakun . Oleh itu, Kementerian telah mula menggunakan kaedah *"National Blue Ocean Strategy"* (NBOS) dengan Jabatan Pertanian Sarawak yang bersetuju untuk bekerjasama melaksanakan peranan dan tugas MPOB bagi memastikan kumpulan sasar mendapat manfaat.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 16

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 18.11.2014

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa SJKC Bukit Serdang yang diberi peruntukan sebanyak RM6.5 juta untuk membina sebuah sekolah dengan 36 bilik darjah tetapi sekolah yang telah dibina hanya mempunyai 22 bilik darjah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan situasi ekonomi semasa, kesan kenaikan kos kerja tanah, harga bahan-bahan binaan dan bayaran upah pekerja telah memberikan kesan kepada perancangan awal Pihak Jawatankuasa Pembangunan SJKC Bukit Serdang. Jesteru, skop projek tersebut terpaksa dikecilkan daripada 36 bilik darjah kepada 22 bilik darjah sahaja. KPM ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa Pembangunan SJKC Bukit Serdang kerana dapat menggunakan peruntukan sebanyak RM6.5 juta yang diberikan oleh KPM dengan bijaksana dan berhemah sehingga projek tersebut dapat disiapkan dengan jayanya. Untuk rekod, projek ini dijangka akan diserahkan kepada KPM seawal-awalnya pada Disember 2014 dan dijangka memulakan operasi apabila semua urusan pentadbiran seperti perjawatan, waran, dan lain-lain dapat diselesaikan.

NO. SOALAN : 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT]**
TARIKH	:	**18.11.2014 (SELASA)**

DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **MENTERI PEDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah hukuman maksimum yang akan dikenakan terhadap beberapa akaun sindiket yang sedang disiasat atas kesalahan penyeludupan diesel sekali gus cubaan menyeleweng subsidi kerajaan, jika sabit kesalahan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang melibatkan penyelewengan bahan petroleum bersubsidi, tindakan diambil di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dengan membeku aset dan akaun yang disyaki diperolehi daripada sumber penyelewengan tersebut.

Jika disabit kesalahan, boleh dihukum denda maksimum 5 kali ganda nilai aset atau wang hasil aktiviti haram atau penjara tidak melebihi 15 tahun.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN WONG CHEN** **[KELANA JAYA]**
TARIKH	:	**18 NOVEMBER 2014 (SELASA)**
SOALAN	:	**18**

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada terdapat mana-mana laluan penerbangan MAS yang menguntungkan yang akan dipindah milik kepada Air Asia dalam usaha menstruktur semula MAS. Jika benar, minta Menteri menjelaskan keputusan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

MAS tidak akan memindahkan mana-mana laluan penerbangan yang menguntungkan kepada AirAsia dalam usaha menstruktur semula syarikat tersebut.

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATUK AARON AGO ANAK DAGANG** **[KANOWIT]**
TARIKH	:	**18.11.2014 (SELASA)**
SOALAN	:	**19**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan jumlah dan peratusan jalan utama luar bandar Sabah dan Sarawak yang telah dikenalpasti tetapi belum dapat peruntukan. Adakah Kerajaan mempunyai pelan atau target di mana kesemua kampung dan rumah – rumah panjang di kedua negeri dapat kemudahan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB) dan Jalan Perhubungan Desa (JPD) telah merancang untuk membina dan menaik taraf jalan sepanjang 2,800km di negeri Sarawak dan 2,500km di negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut sepanjang 1,157.79km telah berjaya disiapkan di negeri Sarawak dan 1,314.30km di negeri Sabah dibawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) sehingga kini. Baki yang masih belum dilaksanakan dicadangkan untuk dilaksanakan bagi tahun 2015 hingga 2020. Walau bagaimanapun, perlaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Soalan No : 20

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]

TARIKH : 18.11.2014

SOALAN :

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) tidak menyediakan set soalan alternatif bagi Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014 hingga ia terpaksa ditangguhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Lembaga Peperiksaan memang menyediakan set soalan kedua yang mengikut prosedur penggubalan kertas soalan sedia ada dan boleh digunakan sekiranya berlaku sebarang insiden pada set soalan yang pertama. Namun demikian, set soalan kedua masih perlu melalui proses pencetakan, pengedaran, logistik dan pentadbiran yang mengambil masa tidak kurang dari dua (2) minggu dan melibatkan kos tertentu, oleh itu penangguhan tidak dapat dielakkan.

SOALAN NO: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG

TARIKH: 18 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

(a) adakah pihak jabatan buruh menerima aduan mengenai kes-kes berkaitan pekerja di sektor industri minyak gas di bandaraya Miri yang teraniayai oleh majikan dalam industri tersebut; dan

(b) adakah komposisi rakyat tempatan mengisi penjawatan dalam bidang Industri minyak dan gas seimbang di syarikat gergasi seperti Petronas dan Syarikat Konsultan yang beroperasi di Miri.

PR-1323-L64236

JAWAPAN:

a)Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK Sarawak), tiada tuntutan yang diterima daripada para pekerja terhadap PETRONAS ataupun syarikat carigali yang lain di Miri.

b)Tuan Yang Di Pertua,

2. Berdasarkan statistik JTK Sarawak, pekerja tempatan lebih banyak mengisi penjawatan dalam bidang industri minyak dan gas berbanding pekerja luar seperti di syarikat gergasi PETRONAS dan syarikat Konsultan (cth: SHELL) yang beroperasi di Miri. Maklumat lengkap adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Rekod perjawatan di PETRONAS.

Asal/Warganegera	Pengurusan	Eksekutif	Setiausaha	Specialist	Bukan Eksekutif	Jumlah
Sarawak	46	258	6	11	759	**1080**
Semenanjung Malaysia	49	376	0	0	5	**430**
Sabah	7	14	0	0	6	**27**
Labuan	0	5	1	0	5	**11**
Luar Malaysia	11	28	0	0	0	**39**
Jumlah	**113**	**681**	**7**	**11**	**775**	**1587**

Jadual 2 : Rekod perjawatan di SHELL Sarawak

Warganegara	Pengurusan	Profesional	Juruteknik	Perkeranian	Pekerja Am	**Jumlah**
Malaysia	63	1,122	374	56	71	**1,686**
Luar Malaysia	1	16	12	0	0	**29**

NO. SOALAN: 22

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Puan Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaaan untuk memastikan produk yang disahkan halal sahaja berada di pasaran untuk dipasarkan kepada umat Islam dalam negara kita dan apakah cabaran utama setakat ini

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pensijilan halal Malaysia yang dijalankan sekarang ini adalah bersifat sukarela. Walaupun begitu, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terus meningkatkan usaha ke arah menambah jumlah bilangan syarikat pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia ke arah merealisasikan hasrat hanya produk-produk disahkan halal sahaja berada di pasaran.

JAKIM juga turut giat menjalankan pelbagai bentuk promosi, ceramah, pameran dan sesi penerangan bagi menarik lebih ramai pengusaha-pengusaha untuk mendapatkan Sijil Halal Malaysia. Kerjasama erat di antara beberapa agensi berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan(KPDNKK), Kementerian Kesihatan, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan lain-lain agensi mampu menjayakan usaha memastikan produk di pasaran halal dan selamat. Penglibatan agensi pembimbing seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan(FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI), Halal Development Corporation(HDC) juga meningkatkan lagi industri halal di pasaran.

Dalam hal ini, pengguna juga perlu memainkan peranan mereka untuk memilih produk-produk yang mempunyai sijil halal yang sah sahaja. Desakan pengguna secara tidak langsung akan menggalakkan peningkatan permohonan sijil halal, sekaligus merealisasikan hasrat untuk memastikan hanya produk halal di pasaran tercapai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, JAKIM dan JAIN turut berdepan dengan cabaran dalam meningkatkan kesedaran dan minat pengusaha-pengusaha khususnya di kalangan industri kecil untuk menyertai pensijilan halal Malaysia. Selain itu, cabaran lain ialah untuk meningkatkan komitmen kalangan industri dalam memastikan setiap prosedur dan piawaian halal dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN HAJI AHMAD [MERSING]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN : 23

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan memandangkan perairan Selat Melaka merupakan salah satu laluan pelayaran yang terpenting di dunia:-

(a) berapakah anggaran kapal dagang yang menggunakan perairan berkenaan setiap tahun; dan

(b) sepanjang lima tahun yang lalu, berapakah jumlah kes rompakan terhadap kapal-kapal dagang. Apakah langkah yang diambil untuk mencegah aktiviti rompakan berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

(a) Untuk makluman Dewan yang mulia ini, anggaran jumlah kapal dagang yang menggunakan perairan Selat Melaka dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini adalah pada purata 74,000 buah kapal setahun.

(b) Sepanjang tempoh lima (5) tahun kebelakangan ini sejak 2009 sehingga 2014, terdapat dua (2) kes rompakan yang berlaku iaitu pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, dua kumpulan perompak tersebut telah berjaya ditangkap dan dijatuhi hukuman 10 tahun penjara serta 9 sebatan. Dalam kes ini, pendakwaan telah dapat dilaksanakan dalam tempoh 13 hari.

Dalam hubungan ini, usaha mencegah kejadian rompakan merupakan fokus utama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dalam operasi rondaan dan pengawasan oleh aset operasi secara berterusan di Selat Melaka. Pengawasan keselamatan bagi pelayaran kapal dagang di Selat Melaka dipantau dengan menggunakan radar yang dikendalikan oleh Sistem Awasan Laut (SWASLA). Pada masa yang sama pengawasan dan pemantauan oleh aset operasi udara APMM juga turut dilaksanakan secara berterusan.

APMM juga telah mendapat kerjasama berterusan dan berkongsi maklumat dengan Agensi Penguatkuasa Maritim dari negara jiran iaitu *Singapore Police Coast Guard* dan Badan Koordinasi Keamanan Laut Republik Indonesia (BAKORKAMLA) dalam menangani isu ini di perairan Selat Melaka khususnya. Agensi ini juga sentiasa berhubung rapat dan bekerjasama dengan *International Maritime Bureau* (IMB) dan *Information Fusion Centre* (IFC) bagi menangani dan mengekang kejadian ini daripada berlaku.

Selain daripada usaha tersebut, APMM turut menjalankan Operasi Khas dari semasa ke semasa bagi menangani dan mengekang kejadian rompakan di sepanjang Selat Melaka.

SOALAN NO. 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @TIAN CHUA

[BATU]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa jumlah orang yang menerima pertolongan kewangan dari JKM telah diberhentikan semenjak tahun 2013 atas alasan tiada dana. Ada juga diantara golongan OKU yang diberhentikan pertolongan, sila jelaskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memberikan bantuan kebajikan kepada golongan miskin dan kumpulan sasar yang memerlukan supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup. Setiap permohonan yang diterima akan disiasat dan dinilai sebelum sesuatu bantuan dapat diluluskan.

Ingin saya maklumkan bahawa pada tahun 2013 dan 2014, tiada penerima bantuan kebajikan diberhentikan atas alasan ketiadaan dana di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik tahun 2013, sebanyak 70,813 kes atau 14% daripada jumlah penerima bantuan kewangan bulanan JKM telah ditamatkan kerana tidak lagi memenuhi kriteria kelayakan atas faktor berikut:

i. peningkatan tahap sosio ekonomi serta mampu berdikari;

ii. penerima bantuan meninggal dunia;

iii. bagi bantuan Elaun Pekerja Cacat, pendapatan individu tersebut telah melebihi RM 1,200 sebulan; dan

iv. ada di antara penerima bantuan ini telah menerima bantuan daripada agensi lain seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Majlis Agama Islam Negeri.

Sehubungan itu, boleh disimpulkan bahawa tiada penerima bantuan JKM yang ditamatkan pemberian bantuan kerana ketidakcukupan dana di pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun, masyarakat juga perlu mengambil maklum bahawa bantuan kebajikan yang diberikan adalah bersifat sementara dan untuk tempoh tertentu sahaja.

NO. SOALAN: 25

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM
[JULAU]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian tersebut bersedia mengambil tindakan sewajarnya terhadap mana-mana kumpulan atau individu yang tidak menghiraukan warna, agama atau keturunan yang terang-terang dengan sengaja mencuba untuk menimbulkan kegusaran dan keresahan kaum sasaran mereka.

JAWAPAN: **PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sekiranya terdapat keterangan dan bukti yang kukuh bahawa seseorang individu telah melakukan kesalahan di bawah sesuatu undang-undang, Jabatan Peguam Negara akan memulakan tindakan pendakwaan terhadap individu tersebut mengikut peruntukan undang-undang sedia ada tanpa mengira latar belakang individu berkenaan.

2. Keputusan tersebut dibuat dengan adil, tidak memihak kepada sesiapa dan berlandaskan teras integriti bagi memastikan mangsa, saksi, tertuduh dan orang awam memperoleh keadilan dengan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status perlaksanaan Akta Pendaftaran Penjenayah Seksual yang telah dijanjikan sejak tahun 2007.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan sentiasa prihatin kepada isu sosial yang timbul dalam masyarakat termasuklah perlakuan jenayah seksual. Keadaan ini tentunya menggusarkan kerana memberikan implikasi negatif kepada kesejahteraan masyarakat. Tindakan sewajarnya terhadap pesalah laku seksual perlu diambil agar jenayah yang dilakukan tidak kembali berulang.

Pada masa ini, Akta 7 iaitu Akta Pendaftaran Penjenayah Dan Orang Yang Tidak Diingini 1969 masih berkuat kuasa. Akta ini adalah bagi mendaftar penjenayah termasuklah jenayah seksual seperti yang termaktub dalam Jadual Pertama Akta tersebut. Sehubungan itu, Kementerian berpendapat bahawa undang-undang yang sedia ada ini, adalah memadai bagi menangani isu pendaftaran penjenayah seksual.

NO.SOALAN 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7220

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [KENINGAU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah proses mewariskan senjata api kepada anak atau saudara terdekat memakan masa yang lama dan kadangkala sukar diproses sedangkan syarat-syarat yang telah ditetapkan sudah dipatuhi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilikan senjata api bukanlah sesuatu yang boleh diwarisi oleh anak atau ahli keluarga sepertimana pewaris-pewaris yang lain kerana senjata api adalah merupakan peralatan yang perlu dikawal memandangkan kegunaannya yang boleh mengancam keselamatan apatah lagi nyawa manusia. Oleh yang demikian, setiap permohonan untuk mendapatkan lesen atau permit senjata api perlu melalui tapisan yang rapi oleh pihak Polis DiRaja Malaysia bagi menentukan kebolehan, kemampuan dan keupayaan dari aspek fizikal, mental, kedudukan kewangan serta ekonomi individu yang memohon lesen atau permit senjata api tersebut.

Kementerian dan pihak polis mempunyai garis panduan yang komprehensif bagi menimbangkan permohonan senjata api dan juga berpandukan kepada peruntukan undang-undang sepertimana yang termaktub di bawah Akta Senjata 1960.

NO. SOALAN: 28

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) berapakah jumlah produk dalam pasaran Malaysia yang telah mendapat Sijil Halal berbanding yang tidak mendapat Sijil Halal; dan

(b) apakah jumlah tersebut telah mencapai 100 % keperluan pensijilan halal bagi semua jenis produk dalam pasaran Malaysia.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini jumlah syarikat yang mendapat Sijil Pengesahan Halal Malaysia ialah sebanyak **8,875** buah syarikat dan jumlah produk yang telah mendapat Sijil Pengesahan Halal Malaysia adalah sebanyak **140,857**. Manakala jumlah premis makanan atau restoran yang mendapat Sijil Pengesahan Halal Malaysia adalah sebanyak **1,741**. Jumlah produk tersebut adalah merangkumi pelbagai kategori iaitu produk makanan, minuman, makanan tambahan, premis makanan termasuk restoran, dapur hotel, rumah sembelih, farmaseutikal, kosmetik, barang dandanan diri dan perkhidmatan yang berkait dengannya seperti penggudangan dan pengangkutan.

   Oleh kerana bukan semua produk perlu didaftarkan untuk berada di pasaran, maka Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tidak dapat membuat perbandingan peratus produk yang mendapat sijil halal dan tidak mendapat sijil halal.

b) JAKIM menyedari bahawa masih banyak produk di pasaran yang belum mendapat sijil halal, namun usaha berterusan dilakukan bagi meningkatkan permohonan sijil halal melalui sesi penerangan, promosi dan kerjasama dengan agensi-agensi pembimbing seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut

Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian Malysia (MARDI), Majlis Amanah Rakyat (MARA dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Usaha ini diharap dapat mempertingkatkan jumlah pemegang sijil halal bagi semua jenis produk yang diperlukan oleh pengguna.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [Kangar]

TARIKH : 18.11.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 29

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kenapakah RTC (Pusat Transformasi Luar Bandar) RTC tidak dapat dilaksanakan di Perlis sedangkan ianya telah dibentangkan dalam bajet yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan ucapan bajet yang lepas, RTC akan dilaksanakan di beberapa negeri iaitu negeri Perak, Kelantan, Kedah, Johor, Sabah, Sarawak, Melaka, Pahang dan Negeri Sembilan. Perkhidmatan dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif RTC ini akan berlaku di RTC serta menjangkau sehingga 100km radius daripada pusat RTC. Memandangkan RTC Kedah telah ditubuhkan di Napoh, Jitra, perkhidmatan dan aktiviti inisiatif RTC Kedah boleh dimanfaatkan oleh komuniti sekitar 100km radius yang turut merangkumi penduduk di dalam Negeri Perlis. Oleh itu, Kerajaan berpandangan bahawa keperluan menubuhkan RTC Perlis masih belum dapat dipertimbangkan pada masa ini.

SOALAN NO. 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014

DARIPADA : YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN [PENGKALAN CHEPA]

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Bajet Tahunan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan bermula Mei 2013 sehingga Mei 2014 iaitu dari segi emolumen dan juga pembangunan infrastruktur.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh Mei 2013 sehingga Mei 2014, **emolumen yang telah disalurkan kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) ialah RM8.89 juta**. Manakala **peruntukan yang disalurkan bagi pembangunan infrastruktur tahun 2013 adalah berjumlah RM18.54 juta yang melibatkan 709 projek**.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK WEE JECK SENG** **[TANJONG PIAI]**
TARIKH	:	**18 NOVEMBER 2014 (SELASA)**
SOALAN	:	**31**

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah bentuk perlindungan yang diberi dan dijamin oleh Kerajaan kepada petugas-petugas yang menjalankan siasatan di kawasan nahas MH17.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara bentuk perlindungan yang diberi dan dijamin oleh Kerajaan kepada petugas-petugas yang menjalankan siasatan di kawasan nahas MH17 adalah seperti berikut:

a) bantuan Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) – disalurkan kepada anggota atau waris berupa wang tunai mengikut kadar-kadar yang telah ditetapkan iaitu:

   i) terkorban – RM22,000;
   ii) cedera parah – RM750 hingga RM30,000 (mengikut tahap kecederaan);

b) bantuan Ex-Gratia – perlindungan bencana kerja semasa menjalankan tugas, disalurkan kepada anggota atau waris;

c) khairat kematian disalurkan melalui tabung-tabung Polis Diraja Malaysia (PDRM) seperti Kumpulan Wang Polis (KWPS), Tabung Kebajikan PRDM (TKPDRM) dan Tabung Pegawai Kanan PDRM (TPKPDRM); dan

d) bantuan mengurus jenazah dan bayaran pengangkutan jenazah bagi perkhidmatan awam mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2010.

NO. SOALAN: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMUR]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

YB TUAN SU KEONG SIONG (IPOH TIMOR) minta PERDANA MENTERI menyatakan status program i-Sinar yang telah diberikan peruntukan RM28 juta di bawah Bajet 2014. Namakan sekolah-sekolah yang terlibat, kumpulan sasaran dan matlamat khusus dalam program ini

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Program i-Sinar hanya mendapat peruntukan RM19.5 juta pada tahun 2014 dan bukannya RM28 juta seperti yang dinyatakan dalam soalan. Program i-Sinar bertujuan untuk meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar India di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil luar bandar dan sekolah ladang yang mencatatkan kadar lulus dalam UPSR yang amat rendah, iaitu di bawah 40%. Program ini (yang dimulakan pada tahun 2013) memberi fokus kepada pelajar tahun 3, 4, 5 dan 6. Matlamat program i-Sinar ini adalah untuk meningkatkan pencapaian para pelajar dalam UPSR serta menambahbaik kemahiran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah Tamil. Negeri yang terlibat adalah Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Selangor, Melaka, Pahang, Pulau Pinang dan Johor. Peruntukan yang telah diluluskan pada tahun 2013 berjumlah RM6.5 juta.

Pada tahun 2014, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM19.5 juta bagi pelaksanaan Program i-Sinar. Program i-Sinar 2014 pula melibatkan 45 buah sekolah di seluruh negara dan melibatkan 4,633 pelajar. Bilangan sekolah yang terlibat mengikut seperti berikut:

(i)	Kedah	:	3 sekolah
(ii)	Pulau Pinang	:	3 sekolah
(iii)	Perak	:	10 sekolah
(iv)	Selangor	:	10 sekolah

(v)	Wilayah Persekutuan	:	3 sekolah
(vi)	Negeri Sembilan	:	6 sekolah
(vii)	Melaka	:	3 sekolah
(viii)	Johor	:	4 sekolah
(ix)	Pahang	:	3 sekolah

Program i-Sinar dilaksanakan dengan menggunakan metodologi yang disesuaikan berasaskan latar belakang pelajar yang dipilih. Tumpuan khusus akan diberikan kepada para pelajar agar dapat meningkatkan perhatian dan minat dalam pelajaran. Selain itu peranan ibu bapa juga diberi penekanan untuk memberi sokongan dan motivasi kepada anak-anak agar mementingkan pendidikan dalam kehidupan mereka. Program berkaitan ibu bapa diadakan bersama-sama dengan PIBG sekolah berkenaan. Daripada penilaian yang dibuat, kesedaran ibu bapa yang telah menyertai program ini semakin meningkat dan telah mula memberi motivasi dan perhatian kepada pelajaran anak-anak mereka.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 33

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Ust. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]**

TARIKH : **18 November 2014**

SOALAN : **Ust. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan** pendirian Kerajaan terhadap penggunaan pukat tunda.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Pukat tunda merupakan salah satu alat tangkapan utama yang digunakan oleh nelayan komersil yang beroperasi di Zon B dan C. Pada tahun 2013, terdapat 6,074 buah vesel pukat tunda berlesen yang memberi peluang pekerjaan kepada seramai 28,108 orang nelayan. Pendaratan ikan marin dari pukat tunda pada tahun 2013 adalah sebanyak 44.4% iaitu 659,308 tan metrik dari keseluruhan pendaratan ikan Negara. Namun begitu, bagi meminimumkan kesan penggunaan pukat tunda kepada sumber perikanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan telah mengambil pendirian berikut:

1. Menguatkuasa syarat baru penggunaan Pukat Tunda (termasuk Pukat Buaya/pukat boya) mulai 1 November 2013 seperti berikut:-

   i) mewajibkan saiz mata pukat tunda di bahagian sayap pukat tidak melebihi 5 meter (195 inci);

   ii) saiz mata keroncong pukat tunda tidak kurang daripada 38 milimeter;

   iii) penguatkuasaan dilaksanakan ke atas semua vesel Pukat Tunda Zon B di Semenanjung Malaysia.

   Penguatkuasaan syarat-syarat tersebut telah dimaklumkan kepada semua Pejabat Perikanan Negeri melalui pekeliling Penguatkuasaan Pelaksanaan Dasar Baru Pelesenan Berkaitan Syarat Baru Bagi Pukat Tunda bertarikh 16 Julai 2013. Kegagalan pemilik vesel mematuhi syarat ini boleh menyebabkan lesen vesel dan peralatan tersebut digantung atau dibatalkan selaras dengan Akta Perikanan 1985.

2. Penstrukturan semula pengoperasian pukat tunda akan dilaksanakan dengan melaksanakan penstrukturan semula pengoperasian pukat tunda:-

   i) menghadkan kawasan tangkapan dan beroperasi lebih jauh melalui pengezonan semula kawasan penangkapan ikan;

   ii) Mengenakan denda yang lebih berat terhadap pencerobohan kawasan pantai terutama di kawasan kurang 8 batu nautika;

iii) Program `Exit Plan' diteruskan bagi mereka yang ingin keluar dari industri penangkapan ikan yang menggunakan pukat tunda;

iv) menguatkuasakan pemasangan dan penggunaan alat pemantauan keselamatan dan pergerakan vesel pukat tunda yang dikenali sebagai *Automatic Identification System* (AIS).

3. Penggunaan peralatan yang boleh mengurangkan tangkapan ikan baja diwajibkan seperti *Juvenile and Trash Fish Excluder Device* (JTED) dan *Malaysian Acetes Efficiency Device* (MAED).

NO. SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah orang yang didakwa di bawah Akta Hasutan sejak tahun 2004 sehingga sekarang dengan memberi pecahan mengikut tahun.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah orang yang dipertuduh di bawah Akta Hasutan 1948 sejak tahun 2004 hingga 2014 mengikut tahun adalah seperti yang berikut:

Tahun	Jumlah Tertuduh
2007	1
2009	1
2011	1
2013	8
2014	12
Jumlah	**23**

3. Tiada pendakwaan dibuat di bawah Akta Hasutan 1948 pada tahun 2004, 2005, 2006, 2008, 2010 dan 2012.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI

TARIKH: 18 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan keberkesanan penguatkuasaan terhadap pelaksanaan gaji minima kepada pekerja-pekerja swasta dan apakah tindakan terhadap majikan yang tidak mematuhi arahan tersebut.

PR-1323-L64681

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, setakat 30 September 2014 jumlah aktiviti penguatkuasaan gaji minimum adalah seperti berikut:

(i) jumlah pemeriksaan berkanun yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) adalah sebanyak 29,231 dan daripada jumlah tersebut didapati 517 (2%) majikan tidak melaksanakan gaji minimum dan tindakan notis pematuhan telah dikeluarkan.

(ii) Manakala jumlah tuntutan kes buruh berkaitan gaji minimum yang telah difailkan adalah sebanyak 895 kes dan daripada jumlah tersebut sebanyak 193 (22%) telah selesai dibicarakan di Mahkamah Buruh dan 702 (78%) masih dalam tindakan pegawai.

(iii) Berkenaan dengan tindakan pendakwaan sebanyak 87 kertas pendakwaan telah dibuka dan dari jumlah ini 39 (45%) telah diberikan izin untuk pendakwaan oleh Timbalan Pendakwa Raya (PUU).

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sekiranya majikan didapati engkar, penalti yang dikenakan kepada majikan yang melakukan kesalahan pertama, denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap pekerja dan Mahkamah boleh mengarahkan majikan membayar perbezaan antara kadar gaji minimum dengan gaji pokok dan bayaran lain. Manakala, bagi kesalahan berterusan, denda harian tidak melebihi RM1000 bagi setiap kesalahan berterusan selepas sabitan. Bagi kesalahan berulang, denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 50% amaun maksimum bagi setiap kesalahan boleh dikenakan kepada majikan.

3. Walau bagaimanapun, tindakan pendakwaan hanya akan diambil terhadap para majikan yang gagal melaksanakan gaji

minimum setelah langkah-langkah lain seperti amaran tidak diendahkan oleh majikan-majikan.

SOALAN (36)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	18 NOVEMBER 2014 [SELASA]
DARIPADA	:	Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI]

SOALAN :-

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk memperbaiki sebuah insinerator yang telah siap dibina di Langkawi di kawasan Belanga Pechah, Mukim Ayer Hangat tetapi tidak beroperasi. Keadaan tersebut menyebabkan air dari sampah dari insinerator tersebut mengalir masuk ke sungai bersebelahan yang akhirnya mengeluarkan bau yang busuk.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Loji Insinerator Langkawi telah mula beroperasi sepenuhnya pada 16 Januari 2014. Walaubagaimanapun, operasi loji tersebut sedikit terganggu akibat daripada beberapa kerosakan teknikal yang timbul pada komponen dan peralatan loji semasa loji beroperasi.

Bagi memastikan loji dapat meneruskan operasi dengan lancar, operator yang dilantik telah diarah untuk mengenalpasti punca-punca kerosakan dan membuat kerja-kerja pembaikan dari semasa ke semasa. Pada masa ini, loji telah kembali beroperasi dan memproses purata 70 tan sisa pepejal sehari.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, loji insinerator tersebut turut dilengkapi dengan sistem rawatan leachate yang berfungsi merawat leachate yang terhasil dari loji insinerator tersebut sebelum dilepaskan ke sungai berdekatan. Sistem rawatan leachate tersebut beroperasi sepanjang masa walaupun dalam keadaan loji pembakaran sisa pepejal tidak berjalan.

Soalan No : 37

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG]

TARIKH : 18.11.2014

SOALAN :

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah sekolah menengah baru yang akan didirikan di Parlimen Sepang dan di manakah sekolah-sekolah itu akan dibina dan bila kerja-kerja pembinaan akan dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius akan keperluan akses pendidikan yang sempurna kepada semua rakyat Malaysia. Berhubung isu pembinaan sekolah menengah baharu di Parlimen Sepang, Kementerian telahpun mengemukakan permohonan peruntukan untuk pembinaan sekolah baharu SMK Bandar Bukit Puchong dalam *Rolling Plan* Ke-4 bagi pelaksanaan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.

RJM123

NO. SOALAN: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**
TARIKH	:	**18.11.2014 (SELASA)**

TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan butiran terperinci mengenai mekanisma subsidi bahan api terbaharu, lengkap dengan kajian impak menyeluruh terhadap isu berkaitan kedudukan fiskal, ketirisan subsidi, kadar inflasi dan kos sara hidup, taraf hidup rakyat terutama golongan berpendapatan rendah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan Kementerian dan Agensi Kerajaan dalam membangunkan spesifikasi sistem bagi mekanisme baharu subsidi bersasar kepada individu yang layak. Memandangkan bahawa sistem ini perlu berupaya untuk mencapai semua individu yang disasarkan, penetapan spesifikasi sistem ini memerlukan masa bagi memastikan ia mampu dilaksanakan dengan berkesan.

Kesan daripada pelaksanaan mekanisme baharu subsidi bersasar ini akan dapat memastikan rakyat Malaysia yang layak menerima bantuan Kerajaan dapat terus menikmati subsidi minyak, manakala rakyat Malaysia yang berkemampuan hanya boleh membeli minyak pada harga pasaran sebenar.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sememangnya komited dalam melaksanakan rasionalisasi subsidi termasuk melalui mekanisme baharu subsidi bersasar bagi meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan Kerajaan. Langkah ini seterusnya dilihat dapat membantu mengukuhkan kedudukan kewangan dan memastikan sasaran defisit fiskal pada paras 3.5% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun ini dan 3% pada 2015 tercapai. Komitmen ini juga bertujuan memastikan paras hutang sentiasa tidak melebihi 55% daripada KDNK dan menjamin kemampanan fiskal jangka panjang negara.

Pada masa kini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bersama Kementerian dan Agensi berkaitan masih mengkaji secara menyeluruh spesifikasi terbaik mekanisme baharu subsidi bersasar dengan mengambil kira kumpulan sasar yang layak, kadar inflasi, kenaikan kos sara hidup dan impak terhadap kedudukan fiskal negara bagi memastikan pelaksanaan mekanisme baharu subsidi bersasar hanya memberi kesan yang minimum dan tidak membebankan rakyat serta tidak menjejaskan kedudukan kewangan dan pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan akan mengumumkan kriteria terperinci mekanisme ini setelah kajian selesai dan dimuktamadkan.

NO. SOALAN: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7225

SOALAN:

Tan Sri Dato Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) apakah langkah-langkah keselamatan yang telah diambil oleh PDRM di Sarawak untuk menjaga keselamatan pelancong dan warga asing; dan

(b) adakah Kementerian bercadang mengehadkan masa operasi kelab malam di Sarawak supaya tidak melebihi jam 12 tengah malam mengambil kira masalah keselamatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), sektor pelancongan memberi sumbangan yang besar kepada pendapatan negara dari segi pertukaran wang asing di samping dapat memperkenalkan negara di mata dunia. Kementerian memberi perhatian yang serius atas keselamatan pelancong-pelancong dan warga asing yang berkunjung atau yang menetap dan bekerja di negara ini.

Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan keselamatan pelancong-pelancong dan warga asing di negara ini adalah seperti berikut:-

i) **PDRM telah mengadakan Balai Polis Bergerak di tempat-tempat tumpuan pelancong dan warga asing, rondaan bermotosikal, rondaan oleh anggota polis pelancong dan juga kereta peronda MPV. Di samping itu juga para pelancong diberikan khidmat nasihat dan maklumat tentang kawasan-kawasan yang mereka hendak melawat.**

ii) **Pihak polis juga mengadakan perjumpaan dengan pengusaha-pengusaha pusat peranginan untuk memberi taklimat tentang keselamatan dan mencadangkan kepada pihak pengusaha pusat peranginan memberi perhatian terhadap aspek keselamatan seperti pemasangan CCTV di**

lokasi yang strategik dan juga menambah bilangan pengawal keselamatan di pusat peranginan tersebut.

Bagi menjawab soalan (b), bidang kuasa untuk meluluskan atau membatalkan lesen pusat hiburan adalah di bawah budi bicara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), begitu juga had masa untuk operasi pusat hiburan adalah berbeza mengikut negeri. Kementerian tidak berkuasa untuk menentukan masa operasi pusat hiburan kepada jam 12 tengah malam tetapi Kementerian akan mencadangkan dalam mesyuarat Ketua Menteri dan Menteri Besar untuk pertimbangan. Mana-mana pusat hiburan yang melebihi masa yang ditetapkan adalah melakukan kesalahan kerana melanggar syarat lesen dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mengambil tindakan mengenakan kompaun atau membatalkan lesen berkenaan.

SOALAN (40)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014
[SELASA]

DARIPADA : Y.B. DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]

SOALAN :-

Y.B. DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan apakah langkah yang akan dilakukan oleh Kementerian itu dalam menangani tindakan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) yang menyatakan harga rumah akan naik tiga hingga empat peratus berikutan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan GST pada 1 April tahun depan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor rumah kediaman dikecualikan daripada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan kesan GST terhadap industri rumah kediaman hanyalah secara tidak lansung dengan melibatkan impak yang sangat minima iaitu sebanyak 1-2% sahaja.

Kesan ini sebenarnya boleh di atasi oleh pihak pemaju sendiri tanpa menaikkan harga rumah. Makluman ini secara tidak lansung menafikan pandangan dan dakwaan dari Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) mengenai isu ini.

NO. SOALAN:41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI [TITIWANGSA]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Johari Bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Skim Jejak Jaya Bumiputera atau SJJB di bawah kendalian TERAJU diwujudkan sebagai inisiatif Kerajaan bagi membantu syarikat-syarikat Bumiputera yang berkelayakan untuk disenaraikan ke Bursa Malaysia. Berapakah jumlah syarikat yang telah berjaya disenaraikan ke Bursa Malaysia di bawah skim ini sejak skim ini diperkenalkan. Dan dalam industri apakah syarikat-syarikat ini beroperasi.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Jejak Jaya Bumiputera atau SJJB telah ditubuhkan pada tahun 2007 bertujuan untuk memberi sokongan 'peringkat akhir' kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang ingin disenaraikan di Bursa Malaysia. Objektif utama program ini adalah untuk mencapai sasaran 30% pemilikan ekuiti korporat Bumiputera menjelang tahun 2020.

Pada September 2013, di Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) diberi mandat untuk membantu mentransformasi SJJB dan meningkatkan lagi bilangan serta modal pasaran syarikat tersenarai awam Bumiputera (PLC) di Bursa Malaysia di bawah strategi memantapkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera.

Sejurus selepas pengumuman tersebut, satu kajian berkenaan keberkesanan program SJJB sedia ada telah dilaksanakan dan cadangan kerangka baru serta pelan pelaksanaannya telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB). Seterusnya, Ekuinas dan Teraju telah memuktamadkan rangka kerja operasi terperinci untuk memastikan pelaksanaan program SJJB yang berkesan dan efektif. Rangka baru SJJB ini menyaksikan Ekuinas dan Teraju bekerjasama dalam memainkan peranan mentransformasi program ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak penubuhannya sehingga kini, SJJB berjaya membantu lapan (8) buah syarikat Bumiputera disenaraikan di Bursa Malaysia yang terlibat dalam pelbagai industri seperti minyak & gas (O&G), Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT), telekomunikasi, pendidikan, kejuruteraan alam sekitar, dan bioteknologi. Syarikat-syarikat tersebut adalah:

1. Handal Resources Berhad
2. Theta Edge Berhad
3. Cypark Resources Berhad
4. Malaysian Genomics Resource Centre Berhad
5. Century Software Holdings Berhad
6. Prestariang Berhad
7. Datasonic Group Berhad
8. Barakah Offshore Petroleum Berhad

Bagi kesemua syarikat SJJB tersebut, gabungan jumlah pasaran modal atau dengan izin, *combined market capitalisation* pada masa syarikat-syarikat disenaraikan di Bursa Malaysia adalah sebanyak RM1.38 bilion. Sehingga 30 Jun 2014, sukacita dilaporkan bahawa jumlah pasaran modal bagi kesemua syarikat tersebut telah meningkat kepada RM5.4 bilion.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS - PAS]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN (NO. 42)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan untuk membendung keganasan penyokong bola sepak yang dilihat terus menerus berleluasa.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keganasan penyokong bolasepak boleh berlaku atas beberapa sebab berikut: -
   a. Tidak puas hati dengan penjualan/pengagihan tiket;
   b. Provokasi sama ada dari penyokong tuan rumah atau dari penyokong pasukan pelawat;
   c. Kelemahan pengadilan perlawanan menyebabkan penyokong tidak puas hati;
   d. Tidak puas hati dengan pengurusan pasukan dan prestasi pasukan itu sendiri.

2. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Persatuan Bolasepak Malaysia adalah memperkenalkan penjualan tiket atas talian untuk mengelakkan dari sebarang kekecohan berlaku apabila penjualan dibuat di stadium. Ianya turut digalakkan kepada pasukan Negeri serta Kelab dengan mengambil langkah yang serupa. Persatuan Bolasepak Malaysia dengan kerjasama Persatuan Bolasepak Negeri telah mengambil langkah–langkah mengasingkan penyokong pasukan tuan rumah dan penyokong pasukan lawan serta memberi penekanan aspek keselamatan *venue* dan kawalan keselamatan yang lebih efektif.

3. Jabatan Pengadilan sentiasa memberi perhatian berat ke atas meningkatkan pengetahuan pengadil yang sedia ada dengan menganjurkan kursus-kursus dari semasa ke semasa. Pemilihan

pengadil di setiap perlawanan ditapis sebaik mungkin dan pengadil yang dipilih perlu lulus tahap kecergasan ditetapkan.

4. Pihak FAM dan Persatuan Bolasepak Negeri sentiasa berhubung dan bekerjasama rapat dengan pihak PDRM untuk menjamin keselamatan termasuk pertukaran maklumat berhubung sebarang ancaman atau rancangan untuk menimbulkan masalah dari mana-mana pihak. Dalam hal ini pihak Persatuan Bolasepak Malaysia sekadar menjadi perantara dengan pihak PDRM yang mempunyai kuasa mutlak dalam urusan keselamatan.

5. Persatuan Bolasepak Malaysia telah mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan bahawa semua Persatuan Bolasepak Negeri mematuhi semua aspek keselamatan yang ditetapkan. Namun begitu kerjasama sepenuhnya dari pihak PDRM amat diperlukan bagi menjamin keselamatan penonton yang datang menyaksikan perlawanan bolasepak.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7221

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) adakah benar seperti yang dilaporkan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Sabah dan Sarawak telah mencecah 14 ribu orang hanya dalam tahun 2013 hingga April 2014; dan

(b) kenapa ini terjadi dan apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

Untuk menjawab soalan (a), setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia wajib untuk dilaporkan dan didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara. Dalam hal ini, Jabatan Pendaftaran Negara menggunakan undang-undang yang termaktub di bawah tiga (3) akta yang memberikan peruntukan kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendaftarkan apa-apa kelahiran di Persekutuan termasuk di kalangan warga asing seperti berikut:

i. **Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi Semenanjung Malaysia;**

ii. **Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 123 (No. 11 Tahun 1948) bagi Negeri Sabah; dan**

iii. **Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 10 (No. 6 Tahun 1951) bagi Negeri Sarawak.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak semua kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia akan dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Sebaliknya, asas-asas penentuan kewarganegaraan kanak-kanak berkenaan adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang termaktub di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

Secara umumnya, penentuan kewarganegaraan Malaysia seseorang kanak-kanak adalah bergantung kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapanya. Dalam hal ini, Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa kanak-kanak yang dilahirkan di Persekutuan tetapi perkahwinan ibu bapanya tidak didaftarkan di bawah undang-undang semasa yang berkuatkuasa dan ibunya bukan merupakan warganegara Malaysia, sebagai bukan seorang warganegara mengikut peruntukkan undang-undang di bawah Seksyen 17 Jadual Kedua Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Justeru, setiap kanak-kanak yang dilahirkan tanpa perkahwinan yang sah akan mempunyai taraf kewarganegaraan mengikut taraf kewarganegaraan ibunya. Sehubungan dengan itu, persoalan bahawa kanak-kanak tersebut tidak mempunyai kewarganegaraan tidak timbul memandangkan kanak-kanak tersebut mempunyai kewarganegaraan mengikut taraf kewarganegaraan ibunya. Dalam hal ini, ibu bapa kanak-kanak berkenaan perlu menguruskan dokumen pengenalan diri anak mereka dengan kedutaan negara asal ibu kanak-kanak tersebut dan bukannya mendesak Kerajaan Persekutuan untuk menganugerahkan kewarganegaraan Malaysia.

Untuk menjawab soalan (b), pada pandangan Kementerian ini, masalah ini terjadi kerana tidak ada kesedaran dan pemahaman mengenai undang-undang dan peraturan di kalangan ibu bapa kepada kanak-kanak berkenaan. Dalam hal ini, ibu bapa kanak-kanak berkenaan tidak mahu hadir ke kedutaan negara asal

masing-masing untuk menguruskan dokumen pengenalan diri anak yang dilahirkan walaupun perkara ini sebenarnya terletak di bahu mereka. Sebaliknya, mereka meletakkan bebanan kepada pihak Kerajaan untuk menganugerahkan kewarganegaraan Malaysia yang sebenarnya hanya bertangunggjawab untuk mendaftarkan setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia. Justeru, Kementerian ini telah mengambil beberapa langkah proaktif bagi memudahkan pemohon mengemukakan permohonan dokumen pengenalan diri seperti berikut:

i. **Mengadakan Program *Outreach* iaitu Program MyDaftar (program turun padang) bagi mendekati pemohon;**

ii. **Mengadakan Program Unit Khas Bergerak di Sabah dan Sarawak untuk kemudahan penduduk di kawasan pedalaman;**

iii. **Membuka kaunter-kaunter di Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri, Cawangan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) setiap hari dari hari Isnin sehingga Ahad; dan**

iv. Mengadakan Hari Bertemu Pelanggan pada setiap hari Khamis di KDN dan JPN.

Oleh itu, bagi menggalakkan penyertaan semua pihak, pihak Ahli Yang Berhormat adalah dialu-alukan untuk memanjangkan maklumat sebegini kepada pemohon yang berkelayakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN]**
TARIKH	:	**18 NOVEMBER 2014 (SELASA)**
SOALAN	:	**44**

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah kos pencarian dan pengurusan dua penerbangan MAS MH 370 dan MH17.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak **RM32,642,167.76** bagi menampung kos perbelanjaan pengurusan dan operasi pesawat MH370 dan **RM819,693.74** bagi menampung kos perbelanjaan pengurusan dan operasi tragedi pesawat MH17.

NO. SOALAN : 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]**
TARIKH	:	**18 NOVEMBER 2014**
SOALAN	:	

YB. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA** menyatakan :

a) bagaimanakah dengan prestasi dan sambutan lima projek pelancongan di negeri Melaka di bawah RMK-10 ; dan

b) berikan angka-angka pelancongan dan pelancong tambahan kelima projek ini untuk tahun 2013.

JAWAPAN: **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe10), Negeri Melaka telah diperuntukkan sebanyak RM104.7 juta bagi melaksanakan lima (5) projek pelancongan seperti yang berikut:-.

i) Projek Pembangunan Lanskap dan Kemudahan Pelancongan di Taman Botanikal dengan peruntukan berjumlah RM30.0 juta dan Projek Pembangunan Perkampungan Hang Tuah dan Persisiran Sungai Duyong dengan peruntukan berjumlah RM35.0 juta. Kedua-dua projek ini telah disiapkan pada tahun 2013; dan;

ii) Projek Pembangunan Kemudahan Pelancongan di Tasik Chin Chin, Jasin (peruntukan berjumlah RM25.0 juta), Projek Pembinaan Monorel di Persisiran Sungai Melaka (peruntukan berjumlah RM13.2 juta) dan Projek Pembangunan Kemudahan Pelancongan di Air Panas Cerana Putih (peruntukan berjumlah RM1.5 juta) yang masih dalam pelaksanaan dan dijangka siap menjelang akhir tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut Tourism Malaysia Melaka, bilangan kedatangan pelancong ke negeri Melaka pada tahun 2013 adalah seramai 14.3 juta orang pelancong iaitu peningkatan 4.2% sebanyak berbanding tahun 2012 dengan seramai 13.7 juta orang pelancong. Daripada jumlah itu, seramai 10.3 juta adalah pelancong domesik dan 3.9 juta adalah pelancong asing bagi tahun 2013.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yakin dengan pelaksanaan lima projek baru itu akan dapat meningkatkan lagi daya tarikan Negeri Melaka dengan penawaran produk dan pengalaman baru dan seterusnya dapat menarik lebih ramai ketibaan pelancong ke Negeri Melaka kelak.

Sekian, terima kasih.